

SOALAN-SOALAN LAZIM

No.	Soalan dan Jawapan	
1.	S	Di mana pemandu teksi boleh memperbaharui kad pemandu mereka?
	J	Pemandu teksi boleh memperbaharui permit mereka di pejabat-pejabat SPAD yang terletak di seluruh Semenanjung Malaysia. (sila rujuk kepada laman web SPAD)
2.	S	Dokumen apa yang perlu di bawa oleh pemandu teksi ketika memperbaharui kad pemandu mereka?
	J	Pemandu teksi perlu membawa bersama: Salinan kad pengenalan Salinan P.S.V. Salinan lesen kenderaan (permit) Satu keping gambar (terbaru) Kad pemandu lama (bagi yang pernah berdaftar) Surat berhenti dari syarikat lama (bagi pemandu yang bertukar syarikat)
3.	S	Permohonan baru untuk lesen pengendali teksi sudah di buka ke belum?
	J	Buat masa ini permohonan baru telah dibekukan oleh pihak SPAD sehingga dimaklumkan.
4.	S	Di mana pengadu boleh mendapat pampasan insuran apabila kenderaan mereka di langgar oleh teksi, bas, lori ataupun kenderaan berat yang lain?
	J	Pengadu boleh membawa perkara ini kepada pihak syarikat kerana ia bergantung kepada polisi insurans syarikat tersebut. Pihak SPAD tidak mempunyai sebarang kuasa terhadap perkara tersebut
5.	S	Berapa keping pelekat Hotline SPAD yang perlu di lekatkan di van pekerja/ van kilang?
	J	Merujuk kepada Pekeliling Bil 15 Tahun 2012, 21 Dis 2012, van pekerja/ van kilang adalah sama seperti bas kilang. Jumlah pelekat yang diperlukan adalah sebanyak 2 keping. Di tampal di bahagian dalam dan di bahagian belakang sebelah kanan kenderaan
6.	S	Berapa keping pelekat Hotline SPAD yang perlu di lekatkan di teksi/ kereta sewa?
	J	Merujuk kepada Pekeliling Bil 15 Tahun 2012, 21 Dis 2012, jumlah pelekat yang diperlukan adalah sebanyak 4 keping. Di tampal di bahagian dalam dan di bahagian belakang sebelah kanan kenderaan. Kemudian di tampal di kedua- dua pintu belakang teksi/ kereta sewa
7.	S	Pada pukul berapa perkhidmatan bas Go-KL City mula beroperasi dan pada pukul berapa operasi bas Go-KL City tamat?
	J	Perkhidmatan bas Go-KL City mula beroperasi seawal pukul 06.00 pagi dan berakhir pada pukul 11.00 malam

8.	S	Mengapa kadar tambang bas sekolah naik begitu mendadak pada tahun ini berbanding tahun sebelumnya?
	J	Kadar tambang bas sekolah di naikkan bergantung kepada pengusaha bas sekolah terbabit. Pihak SPAD telah mengeluarkan Jadual Tambang di laman web SPAD. Tuan/ Puan boleh merujuk laman web SPAD untuk lebih maklumat. Segala pertanyaan boleh menghubungi talian bebas tol kami di 1-800-88-7723
9.	S	Apakah tindakan yang di ambil oleh pihak SPAD apabila kes di bekukan?
	J	Pengendali dan pengusaha tidak dapat memperbaharui permit dan cukai jalan mereka sehingga mereka hadir ke temusiasat yang dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasa
10.	S	Apakah tindakan yang di ambil oleh pihak SPAD apabila aduan telah di siasat dan kes tersebut telah di tutup?
	J	Pihak SPAD akan menghantar surat amaran kepada pengendali dan surat maklumbalas kepada pengadu melalui emel ataupun surat
11.	S	Bagaimana cara untuk melihat status permohonan lesen yang telah dipohon?
	J	Boleh di rujuk melalui http://spad2u.spad.gov.my
12.	S	Bagaimanakah cara untuk saya memohon jawatan kosong di SPAD?
	J	Pihak tuan / puan boleh menghantarkan E-mail kepada career@spad.gov.my atau hantarkan ke alamat seperti berikut: Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Blok D, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, (u/p: Unit Penjawatan)
13.	S	Berapa lama masa yang diperlukan untuk pemprosesan permit baru?
	J	Tempoh masa bagi permohonan baru adalah 30 hari. Bagi permohonan baru, bayaran proses bagi satu lesen adalah RM10
14.	S	Apakah tindakan / hukuman pihak tuan terhadap teksi yang tidak menggunakan meter?
	J	Di bawah seksyen 22 (3) denda tidak kurang RM1,000 dan tidak melebihi RM500,000 atau tidak melebihi 2 tahun penjara dan seksyen 75 (4) denda tidak melebihi RM50,000 atau tidak melebihi 3 tahun penjara
15.	S	Bagaimanakah cara untuk mendaftar sebagai pemandu kedua?

	J	<p>Untuk mendaftar sebagai pemandu kedua, proses yang perlu dilakukan adalah seperti berikut :</p> <p>Melengkapkan borang permohonan. Borang tersebut boleh diperolehi di dalam laman web SPAD dan disertakan bersama 'link' bagi memudahkan pihak tuan http://www.spad.gov.my/sites/default/files/borangpermohonandaftarpemandu_2.pdf</p> <p>Menyertakan semua dokumen yang diperlukan. Rujuk di dalam borang permohonan</p> <p>Menyelesaikan kesemua saman PDRM (saman ke atas no. pendaftaran teksi shj) / SPAD</p> <p>Bayaran sebanyak RM5 (tunai) bagi setiap kad</p>
	S	Adakah maklumat pengadu akan diberikan kepada pihak yang diadu?
16.	J	<p>Untuk makluman, segala maklumat pengadu adalah SULIT, pihak kami meminta maklumat lengkap pengadu adalah sekadar bagi membantu siasatan Bahagian Penguatkuasaan SPAD. Sekiranya perlu, bahagian tersebut akan menghubungi pihak tuan untuk mendapatkan maklumat lanjut dan sebagai makluman keputusan secara bertulis mengenai kes yang telah pihak tuan kemukakan.</p>
	S	Apakah maksud Lesen Pengendali ?
17.	J	<p>Lesen Pengendali adalah Lesen yang diberi kepada pengendali yang layak untuk menjalankan kelas perkhidmatan yang dipohon. Contohnya untuk Pembawa A, Pembawa KA atau Pembawa C. Sebelum ini, lesen diberikan kepada kenderaan. Sekarang, lesen diberi kepada pengendali (Lesen Pengendali) dan mempunyai permit kenderaan yang diluluskan untuk tujuan operasi</p>
18.	S	Apakah garis panduan permohonan pembaharuan lesen bas persiaran?

	J	<p>Garis panduan permohonan pembaharuan lesen bas persiaran: Permohonan hendaklah menggunakan: Borang 4 (Subperaturan 7(1) -Permohonan bagi Pembaharuan Lesen Bas Persiaran Borang B -deklarasi oleh Pemegang Lesen Bagi Tujuan Pembaharuan Lesen Kenderaan Pemohon hendaklah menggunakan satu borang yang berasingan bagi setiap lesen yang hendak diperbaharui Borang yang telah lengkap hendaklah dikemukakan bersama dengan dokumen sokongan seperti dinyatakan dalam borang. Borang tersebut mestilah ditandatangani oleh Pengarah dan dilengkapi dengan cop syarikat Borang permohonan hendaklah sampai kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tidak kurang 30 hari dan tidak lebih 60 hari sebelum tamat tempoh lesen sekarang Menyertakan fi pemerosesan sebanyak RM20.00 bagi setiap permohonan dalam bentuk Bank Draf/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama “Kumpulan Wang SPAD” Pemohon hendaklah menyelesaikan kompaun yang dikenakan kerana melanggar AIP 1992, APKP 1999 dan APAD 2010 (Jika ada) serta saman PDRM Had usia bas persiaran adalah sehingga 12 tahun dan tambahan 1 tahun sekiranya ada rayuan Permohonan pembaharuan bas persiaran yang berusia lebih 10 tahun mestilah disertakan dengan laporan pemeriksaan fizikal bas persiaran oleh pegawai Kementerian Dokumen sokongan yang perlu disertakan ialah: Lesen kenderaan asal beserta 2 salinan fotostat Salinan kad pendaftaran kenderaan Salinan fotostat lesen KPL yang terkini Borang permohonan, senarai semakan dan garis panduan boleh di muat turun di laman web SPAD, http://www.spad.gov.my/en/resources/downloadforms.html?start=6</p>
19.	S	Apakah syarat-syarat dan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk mengisi borang permohonan permit baru,pembaharuan permit baru dan permohonan ubahsyarat?
	J	Kesemua maklumat tersebut boleh diperolehi dengan melayari sendiri laman sesawang SPAD
20.	S	Boleh saya dapatkan perkhidmatan teksi?
	J	Pergi ke carian google dan maklumkan kepada pemanggil nombor syarikat teksi yang boleh dihubungi untuk perkhidmatan tersebut
21.	S	Boleh kah teksi bajet pergi ke KLIA untuk mengambil penumpang di sana?
	J	Teksi bajet boleh beroperasi di KLIA tapi perlu menunggu giliran untuk mengambil penumpang. Surcaj RM12 untuk pergi ke KLIA telah dimansuhkan.
22.	S	Boleh ke pemandu teksi bajet pergi untuk mengambil penumpang di kalangan kenalan dan hubungan saudara mara di KLIA dan LCCT?
	J	Tidak dibenarkan sama sekali kerana teksi hanya untuk penumpang di kalangan orang awam kecuali permohonan khas perlu dibuat di mana-mana cawangan pejabat SPAD untuk memperolehi kebenaran bertulis sementara atas urusan-urusan yang tidak dapat dielakkan

23.	S	Bolehkah saya dapatkan alamat dan nombor telefon pejabat SPAD?
	J	Maklumkan kepada pengadu dengan merujuk di laman web SPAD
24.	S	Apakah Skim Insurans Murid Sekolah ?
	J	Dibawah pengumuman Bajet 2013, kerajaan mengambil berat akan keselamatan murid-murid sekolah yang menaiki bas ke sekolah berikutan kualiti bas sekolah yang kurang memuaskan. Sebagai satu titik permulaan untuk mentransformasikan industri bas sekolah, skim perlindungan ini disediakan bagi membantu murid atau keluarga pelajar bagi menghadapi keadaan yang tidak diduga
25.	S	Siapakah yang layak untuk mendapat perlindungan Skim Insurans ini?
	J	Semua murid-murid sekolah yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia yang menaiki bas-bas sekolah yang berlesen dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) dan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP)
26.	S	Apakah urusan yang boleh dilakukan di pejabat-pejabat perkhidmatan pelanggan SPAD negeri di UTC atau di pejabat JPJ?
	J	Pejabat-pejabat perkhidmatan pelanggan SPAD memberi perkhidmatan memperbaharui lesen, permohonan lesen baru, permohonan & pembaharuan kad pemandu , permohonan & pembaharuan lesen pengendali
27.	S	Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan bila berlaku kemalangan dengan pengangkutan awam?
	J	Pengadu perlu membuat laporan polis & merujuk kepada syarikat pengangkutan awam untuk tujuan tuntutan insuran
28.	S	Apakah perkhidmatan Go-KL?
	J	Perkhidmatan bas berhenti-henti ini disediakan secara percuma untuk kemudahan orang ramai yang berkerja di kawasan Pusat Perniagaan Kuala Lumpur supaya dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut
39.	S	Berapa kekerapan bas Go-KL?
	J	Untuk waktu puncak (6pagi - 9pagi & 5petang -7 malam) kekerapan bas go-kl ialah setiap 5 minit, untuk waktu biasa kekerapan bas tersebut ialah setiap 15 minit